

## Pengkelasan Kamus Biografi Sebagai Naratif Alternatif Pengajian Ḥadīth Kurun Ketiga dan Keempat Hijrah: Satu Kerangka Abstrak Sejarah

### *Biographical-Dictionary Classification as an Alternative Narrative of 3rd and 4th Hijri Century Ḥadīth Studies: An Abstract Historical Framework*

**Muhammad Fawwaz Bin Muhammad Yusoff**

Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

E-mail: fawwaz@usim.ed.my

#### **Abstrak**

Selain daripada refleksi terhadap alat-alat pengajian kontemporari, kebolehcapaian terhadap sumber-sumber sejarah telah membuka dimensi baharu dalam penerokaan sejarah pengajian ḥadīth dan pengajian Islam secara umumnya. Namun sumber-sumber pemerian sejarah pengajian ḥadīth kurang disusun atur dan dikemas rapi untuk mendapatkan gambaran keseluruhan tradisi ḥadīth kurun ketiga dan keempat hijrah. Dengan kaedah kepustakaan secara penuh, makalah ini cuba mengharungi tiga dimensi autoriti, ruang dan masa untuk sebuah cadangan pengkelasan kutub al-rijāl atau kamus biografi dalam khazanah ilmu ḥadīth yang juga mampu ditanggapi selaku sumber naratif alternatif. Di samping pengkelasan tersebut, makalah ini turut membincangkan bagaimana peranan yang boleh dimainkan sebilangan disiplin sains kemanusiaan seperti historiografi, antropologi, sosiologi, geografi, kartografi dan lain-lain dalam pemanfaatan kamus biografi, bagi pembinaan kerangka abstrak sejarah tradisi intelektual pengajian Sunni tertua ini. Pemudahan awal terhadap pengkelasan kamus-kamus biografi dalam ilmu ḥadīth menunjukkan bahawa data-data yang terhasil selepas penyusunan menerusi dimensi berserta integrasi sebilangan pendekatan sains kemanusiaan terkini menyajikan kapasiti yang besar untuk pembinaan suatu kerangka abstrak sejarah pengajian ḥadīth pada kurun ketiga dan keempat hijrah.

**Kata Kunci:** ḥadīth, kamus biografi, sains kemanusiaan, historiografi, sejarah.

#### **Abstract**

*Apart from reflections on contemporary study tools, accessibility to historical sources has opened a new dimension in exploring the history of ḥadīth studies and Islamic studies in general. Nonetheless, the sources for the historical study are inadequately standardized and organized in order to provide an overview of the history of ḥadīth studies from the third and fourth centuries of hijrah. By employing full library research method, this paper attempts to provide three dimensions of authority, space and time for a proposed classification of kutub al-rijāl or biographical dictionary in the tradition of ḥadīth sciences that can also be regarded as an alternative narrative source. It also aims to scrutinize how the role of certain disciplines of human sciences such as historiography, anthropology, sociology, geography, cartography and others can play in approaching the biographical dictionaries for the construction of abstract framework of this oldest Sunni intellectual tradition studies. The preliminary analysis shows that the data present great potential for the construction of an abstract framework of the history of ḥadīth studies in the third and fourth centuries of hijrah through three dimensional classification of biographical dictionaries along with several human sciences approaches.*

**Keywords:** ḥadīth studies, biographical dictionary, human sciences, historiography, history.

#### **Pendahuluan**

Penulis tidak dapat menemui genre ‘kamus biografi’ dalam pengkelasan karya Islam di alam Melayu silam. Namun boleh dikatakan hampir kesemua para sarjana

bersepakat bahawa genre ini terbit atau berasal daripada tradisi Arab muslim di mana riwayat hidup para cendekiawan muslim yang memberikan sumbangan kepada pembinaan tamadun Islam telah dikumpul serta disenarai daftarkan (Marcia, K. Hermansen 1988, Muhammad Fawwaz 2019). Manakala jika dilihat dengan lebih terperinci, kamus biografi telah muncul semenjak zaman awal Islam dan boleh ditemui di dalam beberapa istilah seperti *kutub al-ṭabaqāt*, *kutub al-rijāl*, *kutub al-tarājim*. Lebih menarik lagi, kemunculan genre kamus biografi berkait rapat dengan pengajian ilmu ḥadīth sebagaimana yang dipersetujui para sarjana masa kini (Hamilton Gibb 1962, Tarif Khalidi, 1973, Ibrahim Hafsi 1976). Di zaman moden, Projek Kamus Biografi Malaysia pernah dilancarkan pada tahun 1986 oleh Perdana Menteri Malaysia yang keempat, Tun Dr. Mahathir (pada ketika itu Dato' Seri) bagi mengumpulkan tokoh-tokoh ternama dalam pelbagai bidang seperti politik, agama, bahasa, ikhtisas, sukan, seni dan kebudayaan, pentadbiran, penulisan dan lain-lain yang diabadikan namanya (Zakiah Hanum 2005). Perkataan kamus biografi tersebut adalah terjemahan daripada *biographical dictionary* yang diklasifikasikan sebagai genre kesusasteraan dalam penulisan moden.

Dalam abad ke-20, penyelidikan dan penerokaan ke atas kamus biografi muslim telah berkembang dengan agak pesat. Para pengkaji moden telah mengkaji beberapa aspek yang melibatkan asal-usul dan perkembangan kamus biografi, bidang-bidang tujahan, penyusunan, kriteria pemilihan, kaedah, kandungan, gaya, motivasi kepada pembentukan kamus, kepentingan perlambangan kebudayaan malah sudut kelemahan mereka (Marcia K. Hermansen 1988, Waddad al-Qadi, 1995). Menjadi satu kelaziman pengkajian ke atas kamus biografi didalman ke tahap terperinci menurut sudut pandang para penyelidik demi pelbagai kepentingan. Gelombang populariti kaedah kuantitatif ke atas sejarah pada tahun 70-an dan 80-an

turut memperlihatkan beberapa sarjana menjalankan kajian yang sama secara objektif, namun tidak berkaitan antara satu sama lain (Michael Cooperson 2000, Mohammad Gharaibeh 2018). Menganalisis kamus-kamus biografi, para penyelidik menggunakan pelbagai pendekatan untuk soalan-soalan penyelidikan yang agak berbeza. Projek *Onomasticon Arabicum* (1976) adalah pengumpulan data dari kamus biografi Arab yang terawal menggunakan komputer. Menerusi kamus-kamus biografi dan kitāb tā'rikh kota Nishapur, Richard Bulliet (1972) mengkaji elit masyarakat dan ulama' di Nishapur yang dikatakan memonopoli kuasa politik di kota tersebut sepanjang tempoh lebih kurang seratus lima puluh tahun dan berakhir dengan kemusnahan kota pada abad keenam hijrah/dua belas masihi. Carl Petry (1981) mengkaji komuniti pentadbiran dan kesarjanaan kerajaan Mamluk di Kaherah berdasarkan kamus biografi karangan al-Sakhawi dan Ibn Taghri-Birdi yang menghasilkan sejumlah 4631 biografi tokoh Islam pada abad kesembilan/kelima belas. Pada tahun 2010, Ibrahim Bounhas cuba menilai ketulenan transmisi data sejarah melalui kaedah analisa maklumat kontemporari dan metodologi penceritaan Arab yang berteraskan kamus-kamus biografi. Antara yang terkini, Maxim Romanov (2017) pula mencadangkan analisis algoritma sebagai kaedah untuk mengkaji kamus biografi Arab. Dan pastinya fenomena yang pernah dicetuskan Maktaba Shamela telah membuka ruang kebolehcapaian kepada lambakan kamus-kamus biografi tersebut.

### Skop dan Metodologi

Selain daripada trend penyelidikan *digital humanities* (kemanusiaan/humaniora digital) masa kini, analisa terhadap alat-alat atau keterangan pengajian yang dikhususkan untuk menanggapi bidang sains kemanusiaan sama ada historiografi, sosiologi, antropologi, kartografi, dan lain-

lain boleh dimanfaatkan dalam melakar sejarah pengajian ḥadīth menerusi kamus biografi. Refleksi terhadap keterangan pengajian kontemporari membuka dimensi baharu dalam penerokaan sejarah pengajian ḥadīth dan pengajian Islam secara umum. Pembinaan historiografi pengajian ḥadīth adalah imaginasi dari zaman silam berdasarkan data yang diperolehi dengan bukti keterangan kamus biografi selaku sumber sejarah alternatif. Contohnya, periwayatan ḥadīth dalam bentuk keperibadian adalah sasaran khusus untuk dilihat dengan pendekatan antropologi. Jika dilihat sekali imbas ke dalam buku-buku teks awal ilmu ḥadīth, antara bab-bab yang boleh didapati adalah seperti bab periwayatan anak daripada ayah, bab periwayatan ayah daripada anak, bab periwayatan adik-beradik sama ada lelaki atau wanita, bab periwayatan sang muda daripada sang tua dan lain-lain lagi (Ibn Ṣalāh 1986). Kejelasan *anthropos* (manusia) adalah perkara utama yang ditekankan apabila membicarakan perihal dalam periwayatan.

Biarpun limpahan sudut pandang dan pendekatan dalam dunia akademik masa kini, ini tidak bermakna titik dalam penyelidikan bidang telah noktah atau pengamatan yang digarap para penyelidik telah disepakati dan diterima sebagai pandangan umum. Malah jauh daripada itu beberapa isu asas yang berkaitan dengan kamus biografi seperti asal, tujuan, dan gaya, masih lagi dibahas meskipun perkara-perkara tersebut telah berkisar sejak sekian lama. Tambahan lagi, biarpun dengan bantuan teknologi, penyelidikan berbentuk seperti ini mengambil masa yang lama, dengan lambakan sumber, persoalan bahasa, perbezaan tafsiran, kesukaran analisis, bahan-bahan masih bersifat mentah (tersimpan dalam bentuk manuskrip), dan lain-lain lagi. Justeru, sesiapa yang memilih bentuk penyelidikan ini perlu membataskan had bagi mencapai objektif projek penyelidikan: batasan pada bilangan sumber iaitu kamus biografi sesuatu bidang (tokoh tafsir, ḥadīth, fiqh

dan sebagainya), persempadanan geografi (Hijaz, Sham, Khurasan dan lain-lain), garis masa atau tempoh sejarah, serta matlamat penerokaan yang jelas dirumuskan (seperti dalam kes ini sejarah ḥadīth).

Kesinambungan daripada itu, makalah ini berhasrat untuk mengorak langkah awal ke arah pembinaan kerangka abstrak sejarah ilmu ḥadīth pada kurun ketiga dan keempat hijrah dan peranan yang boleh dimainkan oleh kamus biografi dalam pembentukan naratif tersebut. Berteraskan beberapa kamus biografi utama di dalam pengajian ḥadīth, ciri-ciri besar seperti garis masa, pembahagian tempat sama ada negeri atau kota atau pengkelasan generasi diteliti bagi pembentukan sejarah pengajian ini. Dengan memberi penekanan kepada elemen-elemen asas dan kesalinghubungan yang terdapat dalam kamus biografi ilmu ḥadīth, kita dapat membezakan bentuk, hubungan, dan struktur di antara karya yang sedia ada. Meniti pembaris masa pula, kita dapat mengesan perubahan-perubahan kecil yang berlaku di dalam tempoh panjang sejarah ini. Kamus biografi dan karya sejarah akan dibandingkan secara ringkas bagi menyangkan usaha ilmuwan ḥadīth khususnya dalam membina kerangka sejarah mereka sendiri (Muḥammad Qāsim Zaman 1996). Pembinaan kerangka adalah bahagian penting daripada keseluruhan usaha ini. Dengan satu analisis kompleks proses pensejarahan menerusi model, kita cuba memudahkan realiti, kenyataan atau kebenaran lampau lantas menuju ke arah wawasan yang dikehendaki. Pemudahan adalah sebab mengapa George E. P. Box (1976) menyuarakan, “semua model adalah palsu.” Namun model adalah barang berharga dan berkuasa bagi meningkatkan kefahaman kita tentang dunia yang diteroka. Pembinaan model atau kerangka historiografi ḥadīth menerusi dimensi genealogi autoriti, sosiologi dan antropologi, geografi dan kartografi, dan terkini melalui kemanusiaan digital antara yang mampu diperbincangkan

sebagaimana saranan Waddad al-Qadi (2006).

### **Pengkelasan Kamus Biografi: Beberapa Isu Utama**

Antara persoalan awal apabila kita membuka karya yang dikategorikan sebagai kamus biografi dalam bahasa kesusasteraan moden adalah, apakah perkataan seerti kamus biografi dalam tradisi kesarjanaan Sunni? Kita mungkin boleh melihat kepada *kutub al-ṭabaqāt* yang menyusun biografi ilmuwan mengikut generasi. Namun jika dibahaskan dengan lebih ketat, *kutub al-ṭabaqāt* tidak boleh ditakrif utamakan sebagai genre kamus biografi kerana terdapat banyak lagi karya yang hampir sama seperti *kutub al-rijāl*, *kutub al-tarājim*, dan lain-lain. Pada dasarnya, kamus biografi adalah koleksi keterangan ringkas dan tepat riwayat hidup tokoh-tokoh dalam pelbagai cabang ilmu pengetahuan namun tiada 'tanda aras' khusus. Kebanyakan sarjana tidak memberikan sebarang nama bagi pengelompokan kamus biografi dan sesetengahnya mengelaskan sebutan umum seperti "kesusasteraan", "komposisi", atau "penulisan", malah sesetengah menyebutnya sebagai "genre", "jenis" atau "jenis sastera" (Waddad al-Qadi 1995). Manakala akhir-akhir ini istilah "prosopografi" telah diserapkan ke dalam perbahasan yang berkaitan dengan kamus biografi (Claude Gilliot 2002). Apa yang dibincangkan adalah perbezaan antara biografi (*sira*) dan ciri biografi iaitu prosopografi. Walau bagaimanapun, dalam pendapat yang diterima umum, kamus biografi adalah cabang penulisan sejarah dan hasil ciptaan kesarjanaan muslim yang asli.

Dasawarsa ini, kebanyakan kajian kesarjanaan kamus biografi menumpukan fasa awal permulaan kamus biografi, pra-*Ṭabaqāt Ibn Sa'd* (Scott C. Lucas 2004). Di sana, terdapat banyak ruang yang masih boleh diisi pada kajian kamus biografi klasik atau pasca Ibn Sa'd (m. 230/845)

khususnya kurun ketiga dan keempat hijrah sama ada daripada capaian dalam bentuk manuskrip atau bercetak hingga kepada persoalan susunan kerangka sesebuah karya. Penulisan ini tidak berhasrat terjun ke dalam perbahasan metodologi kritikan sejarah (*historical critical method*) yang menjadi teras, khususnya dalam kajian terhadap agama-agama di Amerika dan Eropah. Mereka yang mendakap aliran sekolah skeptikal akan cuba pergi sedalam yang mungkin dan menilai semula ketulenan sesebuah karya sama ada daripada sudut kepengarangan, manuskrip, dan lain-lain lagi. Sebagai contoh, Norman Calder (1993) meragui kepengarangan asal salah satu kamus biografi utama dalam ilmu ḥadīth, *Tā'rikh Kabīr* oleh al-Bukhārī. Beliau menyatakan

*“Apparently the product of the devoted and orderly activity of a single person, works like the Ṣaḥīḥs of al-Bukhārī and Muslim should probably be recognized as emerging into final form at least one generation later than the dates recorded for the deaths of the putative authors.... A fortiori the rijāl works associated with these collections al-Bukhārī's al-Tā'rikh al-Kabīr is probably a post facto description of the Ṣaḥīḥ, not a set of criteria governing the collection of its materials.* (Kiranya kerja-kerja seperti *Ṣaḥīḥ* Al-Bukhārī dan Muslim yang merupakan penghasilan daripada seorang yang sangat teliti berserta aktiviti yang tersusun, barangkali boleh diiktiraf suatu kemunculan dalam bentuk terakhir (penulisan lengkap) sekurang-kurangnya satu generasi selepas daripada rakaman tā'rikh kematian mereka yang dianggap penulis. *A fortiori* (untuk sebab yang sama tetapi lebih meyakinkan) kamus-kamus biografi perawi yang dikaitkan dengan koleksi-koleksi (ḥadīth) ini iaitu *Tā'rikh al-Kabīr* oleh Al-Bukhārī adalah

berkemungkinan suatu *post facto* (pengunduran *tā'rikh*) pemerian terhadap *Ṣaḥīḥ*, bukanlah kriteria yang menentukan material-material koleksi tersebut (Norman Calder 1993: 194).”

Karya atau hasil kerja al-Bukhārī telah dibincangkan dengan teliti oleh Jonathan Brown (2011) dalam *magnum opus* beliau *The Canonization of al-Bukhārī and Muslim* iaitu satu percubaan mencerakin sejarah pemartabatan dua karya rujukan utama ḥadīth, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*. Hasil kerja al-Bukhārī (m. 256/870) dan Muslim (m. 261/875) boleh dikelaskan detik terpenting dalam sejarah ḥadīth kurun ketiga hijrah malah antara yang terpenting dalam sejarah pengajian ḥadīth secara keseluruhannya. Brown turut meneliti bagaimana kedua-dua karya ini mendapat tempat dalam aliran sekolah fiqh yang pada asalnya tidak diterima sebagai satu bentuk pemudahan kepada rakaman ḥadīth-ḥadīth Nabi SAW. Lebih awal daripada Brown, bibliografi manuskrip-manuskrip Islam mengikut urutan tokoh-tokoh iaitu adiknya Fuat Sezgin *Geschichte des Arabischen Schrifttums* (GAS) turut melakar sejarah pengajian ḥadīth di era formatif. Penyenaarian tokoh-tokoh ḥadīth berserta karya-karya mereka yang masih terpelihara telah diteliti oleh Sezgin. Meskipun telah banyak kamus-kamus biografi ditahkik dan dicetak setelah pengumpulan senarai manuskrip kamus biografi oleh Sezgin, masih terdapat sejumlah besar yang tidak disentuh dan tersimpan dalam bentuk asal. Tambahan lagi, setiap satu kamus biografi mengandungi limpahan korpus yang perlu digali satu persatu bagi mendapatkan gambaran sebenar ketinggian mutu sesebuah karya.

Dalam penulisan akademik hingga kini, pemerhatian yang amat terhad telah diberikan kepada kerangka kamus-kamus biografi sama ada daripada segi pensejarahan atau idea daripada penyampaian kerangka tersebut. Kembali kepada aturan yang terisi daripada

penulisan tersebut adalah merupakan perkara terbaik untuk memahami teknik-teknik yang telah digunakan. Kebiasaannya kamus biografi kurun ketiga dan keempat hijrah berbingkai pengenalan di awalnya dan catatan tambahan di penghujungnya. Sebagai contoh, dalam pengenalan *Kitāb al-Thiqāt*, Ibn Ḥibbān (m. 354/965) mengemukakan tujuan pengkaryaan, perbincangan epistemologi, sinopsis sejarah kritikan ḥadīth, pengkelasan perawi ḥadīth, aspek teknikal dan lain-lain lagi yang boleh dikembangkan dalam memahami sejarah pengajian ḥadīth pada zaman tersebut (Fawwaz Yusoff 2019). Selain memelihara ketulenan ḥadīth Nabi, penghasilan kamus-kamus biografi dalam ilmu ḥadīth umpama sebuah rancangan epistemologi dan praktikal mega dalam kesarjanaan Sunni. Perubahan fundamental landskap rakaman sejarah, para sarjana ḥadīth mengalih pemusatan autoriti dari tangan kumpulan-kumpulan institusi yang berkuasa kepada individu tanpa institusi dan ketidaktentuan bentuk (Waddad al-Qadi 2006). Garis dasar rancangan tersebut semestinya sangat bermanfaat memandangkan kebanyakan *kitāb tā'rikh* atau kronikal, contohnya seperti *Tā'rikh al-Ṭabarī* (1967) adalah berbentuk rakaman perjalanan sejarah besar sebuah kerajaan, empayar, penguasa dan sebagainya jika dibandingkan dengan kamus biografi (Franz Rosenthal 1989). Malah dalam sudut pandang sesetengah para sarjana seperti 'Abd al-Karīm b. Muḥammad al-Rāfi'ī al-Qazwīnī (m. 623/1226), kecenderungan terhadap pensejarahan dibahagikan kepada dua,

Sejarah boleh dibahagikan kepada dua kelompok: sekelompok yang memberikan tumpuan kepada perihal para raja, kepimpinan, peperangan, pertempuran, penaklukan tanah, dan peristiwa umum seperti ekonomi, hujan, petir, kemalangan, bencana, gempa bumi, perubahan dinasti, pertukaran agama dan aliran...

dan sekelompok yang bertujuan kepada penerangan hal ehwal para

ilmuwan, hakim, pemimpin dan penguasa yang warak, para ahli Sufi yang mulia, samada perjalanan riwayat hidup mereka daripada kelahiran hingga kewafatan, serta pesanan, periwayatan, guru, pelajar; dan kelompok inilah kepedulian para ilmuwan Ḥadīth ('Abd al-Karīm al-Qazwīnī 1987).

Adapun pensejarahan masa kini, para penyelidik cuba mendekati sesuatu sejarah dengan tiga cara iaitu penceritaan peristiwa, sosial dan ekonomi yang saling mempengaruhi dan juga menerusi pengamatan terhadap individu-individu yang sensasi dalam lipatan sejarah (Richard W. Bulliet 2020). Justeru, pembinaan sejarah pengajian ḥadīth kurun ketiga hijrah berteraskan kamus biografi wajar menerusi kemasyhuran tokoh dalam pengajian ḥadīth dan perkara penting yang perlu diutamakan adalah pengkelasan jenis kamus biografi tersedia yang akan digunakan. Makalah ini mencadangkan agar kita boleh mengelaskan penulisan kamus biografi para ilmuwan ḥadīth kepada tiga dimensi utama; autoriti, ruang dan masa. Pemudahan klasifikasi kamus biografi daripada ketiga-tiga dimensi ini adalah kerana kegiatan ilmiah para tokoh ḥadīth mempunyai kemiripan yang selari dan pengamatan singkat terhadap karakteristik kamus biografi ḥadīth menunjukkan karya-karya yang wujud boleh dikelaskan di bawah salah satu dimensi tersebut.

### Rantaisan Genealogi Autoriti Ḥadīth

Pada realitinya tidak dapat dinafikan kecenderungan para sarjana ḥadīth untuk mengikat rapi biodata perawi bersama isnad telah menghasilkan sejenis genre berbentuk penyeneraian para perawi ḥadīth. Kesemua mereka boleh dikenali lanjut melalui *kutub al-rijāl*. *Rijāl* adalah kata jamak 'lelaki' yang diguna pakai atas maksud para perawi ḥadīth dan genre *rijāl* telah melahirkan sejumlah karya yang amat besar pada tiga kurun pertama hijrah khusus untuk

merakam data-data perjalanan hidup para perawi ḥadīth. Tidak berhenti di situ sahaja, genre ini juga telah mempengaruhi cabang disiplin ilmu lain sehingga boleh didapati kamus biografi tokoh tafsir, sufi, mazhab fiqh, sastera, falsafah dan lain-lain lagi. Karya-karya seperti *Hilyat al-Awliyā'* oleh Abū Nu'aym al-Aṣbahānī (m. 430/1038), *Ṭabaqāt al-Fuqahā'* oleh Abū Ishāq al-Shirāzī (m. 476/1083), *Ṭabaqāt Fuḥūl al-Shu'arā'* oleh Ibn Sallam al-Jumahī (m. 232/846), *Ṣiwān al-Ḥikma* oleh Abū Sulaymān al-Sijistānī (m. 380/990), *Mu'jam al-Udabā'* oleh Yāqut al-Ḥamawī (m. 626/1228) antara yang mempunyai tempat istimewa dalam cabang disiplin ilmu Islam.

Pastinya pembentukan kamus biografi sebegini mempunyai matlamat yang jelas dan teliti. Daripada pengenalan-pengenalan kamus biografi ini kita dapat menyaksikan inspirasi para penulis untuk membina hierarki autoriti yang menentukan ketulenan transmisi ilmu-ilmu Islam terutamanya bidang ḥadīth. Mereka yang mempunyai autoriti adalah tokoh-tokoh yang dirujuk bagi penentuan kaedah dan doktrin agama. Sebagaimana yang diketahui, keabsahan para perawi dalam rantaisan sanad sesuatu ḥadīth adalah merupakan anak tangga untuk sampai kepada ilmu ketulenan dan kelemahan sesebuah ḥadīth. Pengasingan kepada tahap dipercayai atau sebaliknya disesuaikan melalui pemasukan para perawi di dalam koleksi ḥadīth sama ada *musannaf*, *sahih*, *sunan* dan sebagainya. Pengelompokan para perawi kepada yang lemah atau dikritik dalam periwayatan ḥadīth adalah bandingan kepada perawi yang *thiqah*. Menurut al-Nawawī, kritikan berbentuk keperibadian khusus dalam periwayatan ilmu ḥadīth dibenarkan bagi mempertahankan kesucian syariah dan menjernihkannya daripada sebarang kesilapan. Para ilmuan ḥadīth melihat sekurang-kurangnya dua perkara utama dalam hal keperibadian seorang perawi ḥadīth iaitu *'adāla* (integriti) and *dabt* (kejituan) (al-Suyūfī 1431H). Penentuan

tahap kebolehpercayaan seorang perawi ditetapkan oleh autoriti dan perawi yang dikategorikan *thiqah* (dipercayai) akan diletakkan dalam sebuah kamus biografi yang khusus sebagai pengasingan kepada perawi yang lemah. Sekurang-kurangnya tiga jenis kamus biografi yang boleh dikelaskan dalam hal ini (Al-'Umarī, Akram Diyā' n.d.);

1. Kamus biografi yang menghimpun kedua-dua perawi sama ada dipercayai atau ditolak.
2. Kedua, kamus biografi yang mengumpulkan perawi yang dipercayai sahaja antaranya seperti *Al-Thiqāt* karangan Abū al-Ḥasan Aḥmad b. 'Abd Allāh b. Ṣāliḥ al-'Ijlī (m. 261/874); *Al-Thiqāt*, Abū al-'Arab Muḥammad b. Aḥmad b. Tamīm al-Tamīmī al-Afrīqī; *Al-Thiqāt*, Abū Ḥafṣ 'Umar b. Bashrān b. Muḥammad al-Sukarī (m. 367/977); *Kitāb al-Thiqāt* dan *Mashāḥir al-'Ulamā' al-Amṣār*, Ibn Ḥibbān.
3. Manakala ketiga, kamus biografi yang mengumpulkan perawi lemah atau yang dikritik sahaja antaranya seperti *Al-Du'afā'*, Yaḥyā b. Sa'īd al-Qaṭṭān (m. 198/813); *Al-Du'afā' al-Ṣaghīr*, Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. Ismā'īl al-Bukhārī; *Al-Du'afā' wa al-Matrūkūn*, Abū Zur'a 'Ubayd Allāh b. 'Abd al-Karīm al-Rāzī (m. 264/877); *Al-Du'afā' wa al-Matrūkūn*, Abū 'Abd al-Raḥmān Aḥmad b. Shu'ayb al-Nasā'ī.

Kita tidak dapat memastikan secara tepat bilakah permulaan genealogi autoriti dalam bentuk penyenaian telah bermula. Barangkali konsep genealogi autoriti dalam ḥadīth ini telah dipelopori oleh Ibn Abī

Ḥātim al-Rāzī (m. 327/938), anak kepada Abu Ḥātim (m. 277/890) yang terkenal dengan ketegasan dalam *al-jarḥ wa al-ta'dīl* (pujian dan kritikan perawi ḥadīth) (Ahmad Kamil Jamilin 2015). Ibn Abī Ḥātim (1952) telah menulis sebuah karya yang menjadi rujukan ilmuwan ḥadīth terkemudian dinamakan *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* dengan tujuan mengumpulkan perawi-perawi ḥadīth samada yang diterima atau dikritik. Karya ini didahului atau didasari dengan sebuah karya berbentuk pengenalan kepada kritikan personaliti perawi ḥadīth yang dinamakan *Taqdimat al-Ma'rifa li-Kitāb al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. *Taqdimat al-Ma'rifa* boleh diterjemahkan kepada perkataan Greek *pronostikon* atau "the provision of advance knowledge (bekalan ilmu lanjutan)" (Eerik Dickinson 2001). Di sini Ibn Abī Ḥātim melakar genealogi autoriti berbentuk 4 *ṭabaqāt* (generasi) berserta kedudukan geografi tokoh-tokoh tersebut.

Sedikit berbeza dengan aliran sekolah Abu Zur'a (m. 264/878), Abu Ḥātim dan Ibn Abī Ḥātim, tradisi pengukuhan genealogi autoriti ḥadīth ini diteruskan oleh para ilmuwan yang datang selepas Ibn Abī Ḥātim seperti Ibn Ḥibbān (m. 354/956) dalam karyanya *al-Thiqāt*. Dalam sebuah kamus biografi yang dikhususkan untuk para perawi *thiqah* seperti ini, Ibn Ḥibbān meluaskan genealogi autoriti dengan melakar 7 generasi autoriti bermula seawal generasi sahabat Nabi SAW (Fawwaz Yusoff 2019). Genealogi autoriti yang dibentangkan Ibn Ḥibbān sangat bermanfaat kerana beliau menyertakan deskripsi atau karakteristik khusus setiap generasi. Tokoh-tokoh yang terkandung dalam genealogi autoriti ini meliputi satu tempoh sekitar 250 tahun seawal Khalifah kedua 'Umar (m. 23/664) dan berakhir dengan Abū Zur'a al-Rāzī. Kepentingan genealogi autoriti Ibn Ḥibbān dapat difahami daripada penerangan peranan setiap generasi serta pengenalan dan maklumat biografi 44 tokoh-tokoh ḥadīth tersebut. Di samping itu, pemasukan generasi para sahabat dalam senarai tokoh

menawarkan tafsiran bahawa bilangan autoriti tidak terhad kepada beberapa orang pada setiap generasi kerana Ibn Hibbān menggunakan perkataan *minhum* (yang boleh diterjemahkan sebagai 'di antara mereka') sebelum menentukan nama tokoh di setiap generasi. Apa yang turut boleh diperhatikan bahawa Ibn Hibbān menggolongkan para sahabat dalam sejarah kritikan ḥadīth lantas membuktikan praktis kritikan ḥadīth telah mendapat tempat semenjak zaman awal Islam (Fawwaz Yusoff 2020).

Pastinya genealogi autoriti telah mencipta ruang keanjalan sosial apabila para penuntut ilmu ḥadīth mencari, mengembara, dan mengumpul ḥadīth untuk dijadikan satu bentuk rakaman koleksi tulisan dan kisah perjalanan mereka tersimpan kemas dalam kamus-kamus biografi. Muḥammad Zubayr Siddiqi (1996) menambah, “pencarian ḥadīth bukanlah datang daripada pihak kerajaan atau ketua-ketua puak yang ramai, dan juga bukan kerana kepentingan diri, namun daripada kecintaan sejati terhadap ketulenan tradisi.” Autoriti yang dibicarakan dalam perihal pengajian ḥadīth adalah autoriti ilmu bukanlah autoriti kekuasaan. Ini berasas kepada gerakan yang melibatkan tokoh-tokoh ilmu ḥadīth lewat kurun kedua dan ketiga hijrah amat jarang terlibat secara langsung dengan kedudukan dalam kerajaan. Barangkali contoh kedudukan yang hampir dengan kerajaan adalah Ibn Shihāb al-Zuhrī (m. 124/742) yang diarahkan Khalifah ‘Umar ‘Abd al-‘Azīz (m. 101/720) untuk mengumpulkan ḥadīth (Mohammad Mustafa A’zami 1978). Selain itu, Ibn Sa’d, penulis dan anak murid kepada al-Wāqidī yang merupakan seorang tokoh terkenal dalam sirah Nabi serta hakim di zaman Khalifah Abasiyah al-Ma’mūn (‘Iz al-Din Umar Musa 1987). Diceritakan bahawa Ibn Sa’d bersama ilmuwan lain pernah dipanggil khalifah berhubung pendirian terhadap dogma Mu’tazilah. Kisah-kisah seperti ini memberi sudut pandang lain dalam memahami aliran atau kedudukan

para ilmuwan ḥadīth berhubung dengan pemerintah.

Pergerakan ilmu tanpa melibatkan kekuasaan adalah satu paradigma kerenggangan norma yang harus diteliti dalam mengkaji sosiologi pengajian ilmu ḥadīth. Adalah menjadi amalan para ahli sosiologi menghubungkan antara kekuasaan dan ilmu dalam membentangkan perolehan mereka. Terinspirasi dengan hasil kerja *The Venture of Islam* karangan Marshall Hodgson, Armand Salvatore (2016) mengungkapkan sosiologi Islam sebagai satu bidang semakin meningkat naik, ruang penyelidikan yang strategik, pengajaran, perdebatan, persimpangan rapi pelbagai disiplin termasuk sosiologi, sejarah, pengajian Islam, antropologi perbandingan agama dan analisa perbandingan ketamadunan. Beberapa ahli sosiologi termasuk Salvatore memberi alternatif kepada hegemoni barat bagi pengamatan dinamika trans-ketamadunan dan penjelasan sudut pandang terhadap lokaliti, rantau, tradisi yang meraikan kepelbagaian berbanding pemusatan terhadap sudut pandang barat. Pada peringkat teoretikal, pembinaan sosiologi Islam atau yang lebih khusus sosiologi pengajian ḥadīth adalah munasabah memandangkan corak pergerakan tokoh-tokoh ḥadīth terawal berselang-seli dengan kekuasaan politik.

### **Rantau Geografi Pusat Kelimuan Ḥadīth**

Kelangsungan daripada pembinaan autoriti, bandar atau negeri yang menjadi penempatan tokoh-tokoh ḥadīth telah diangkat sebagai pusat keilmuan ḥadīth. Penyenaaraan kemasukan seorang perawi ke bandar atau negeri tertentu dirakam dengan rapi melalui sebuah kamus biografi khusus berhubung lokasi, bandar atau negeri terbabit. Ini dapat dilihat daripada kesemua figura autoriti yang dikumpul bersama dalam kamus biografi sama ada berasal atau bermastautin di penempatan yang sama. Maka, apabila seorang sarjana dari tempat tersebut menyumbang kepada



ilmu pengetahuan, hasil kerja sumbangan keilmuan beliau dirakam menerusi kamus biografi sejarah tempat, kota, negeri, atau rantau tersebut. Secara tidak langsung para ilmuwan ḥadīth berdiri di tapak kaki penulis sejarah yang menulis pelbagai bentuk kisah dari sesuatu ketempatan seawal pembentukan tamadun Islam seperti Ibn Tayfur (m. 280/893) dalam *Kitāb Baghdādnya*.

Dalam usaha memahami hasil kerja para ilmuwan ḥadīth, Franz Rosenthal (1968) turut berpandangan bahawa komposisi awal kamus biografi yang bersifat tempatan terbit daripada keperluan untuk memelihara ḥadīth-ḥadīth Nabi daripada sebarang pemalsuan. Rosenthal turut menambah, persaingan di antara pelbagai pusat keilmuan ḥadīth yang tumbuh di pelbagai kota atau negeri dalam wilayah muslim lebih sesuai untuk digambarkan keadaan perkembangan ilmu pada zaman tersebut. Perkembangan ini bermula melalui tradisi atau konsep yang dikenali sebagai *rihlah fī ṭalab al-‘ilm* (kelana penuntutan ilmu) apabila para penuntut dan sarjana mengharungi perjalanan jauh daripada kampung halaman mereka untuk mencari ḥadīth atau menuntut ilmu secara umumnya. Apa yang telah dirakam oleh Ṣāliḥ b. Aḥmad (m. 384/994) dalam *Ṭabaqāt al-Hamadhāniyyīn* menayangkan secara umum konsep *rihlah fī ṭalab al-‘ilm*:

Apabila kesarjanaan agama telah berkembang di sesebuah tempat dan para ilmuwan telah lama menetap dari zaman silam hingga masa kini, para penuntut ḥadīth dan semua yang meminati ḥadīth perlu memulakan pengajian ḥadīth di daerah penempatan sendiri agar mereka memperoleh pengukuhan ilmu yang utuh berkaitan dengan asas-asas ilmu ḥadīth di tempat mereka. Kemudian, setelah seseorang penuntut itu tahu apa yang Ṣaḥīḥ dan dhai’f daripada ḥadīth, serta kenal secara menyeluruh ilmuwan dan ḥadīth

berserta syarat-syarat di tempatnya, dia boleh mula mengambil ḥadīth para ilmuwan dari tempat lain dan rihlah dalam pencarian ḥadīth (Al-Khaṭīb al-Baghdādī 2001: 11/450).

Pada kurun ketiga hijrah, Abū al-Ḥasan Aslam b. Sahl (1986) atau lebih dikenali sebagai Bahshal (m. 292/904) telah mengarang sebuah *Tā’riḫ al-Wāsiṭ* yang dikenal pasti antara karya tertua dan masih terpelihara dari kategori kamus biografi untuk rantau geografi. *Tā’riḫ al-Wāsiṭ* membahaskan asal usul, sejarah awal, perbatasan kota dan sekitarnya, serta para ilmuwan yang mempunyai hubungan dengan Bahshal menerusi *sanad*. Para cendekiawan dikelompokkan berdasarkan *qarn* (generasi) mereka, bukan sebagaimana terma biasa *ṭabaqat* untuk menggambarkan perhubungan dalam tradisi ḥadīth. Al-Wāsiṭ atau lebih dikenali sebagai salah satu wilayah Iraq moden pada hari ini merupakan antara pusat tumpuan keilmuan ḥadīth setelah dibina oleh al-Ḥajjāj b. Yūsuf al-Thaqafī (m. 95/714) (Jason David BeDuhn, Paul Allan Mirecki 2007). Selain daripada al-Wāsiṭ, hampir kesemua kota-kota muslim pada tiga kurun pertama hijrah seperti Makkah, Madinah, Basra, Kufa, Damsyik, Antakya, Iskandariah, Qayrawan, Cordoba, Mawsil, Halab, Baghdad, Isfahan, Jurjan, Bukhara, Merv dan lain-lain lagi mempunyai kamus biografi yang berhubung secara langsung dengan ilmu ḥadīth.

Meskipun kebanyakan daripada tajuk-tajuk kamus biografi ini terpapar perkataan *tā’riḫ* seperti *Tā’riḫ Makkah*, *Tā’riḫ al-Mawṣil*, *Tā’riḫ Baghdād* dan lain-lain yang membawa maksud sejarah sesebuah tempat, isi kandungannya adalah penyenaian tokoh atau para perawi ḥadīth yang berasal, bermastautin atau datang menuntut ḥadīth di sana. Ilustrasi lokasi pusat-pusat keilmuan ḥadīth secara pemetaan merupakan salah satu unsur yang penting dalam mendapatkan gambaran sebenar sejarah pengajian ḥadīth. Kegiatan Shawqi Abu Khalil (2003) melakar semula peta negeri, kota, lokasi atau tempat yang

dirakam di dalam al-Quran, ḥadīth dalam *kutub al-sitta*, sirah Rasul, dan sejarah dunia muslim Arab boleh menjadikan karya-karya beliau antara tempat rujukan pengajian Islam hari ini. Di bahagian pengenalan, Shawqi (2005) cuba memadankan rakaman biografi tokoh-tokoh *kutub al-sitta* berserta rihlah ilmiah mereka di dunia muslim atau lebih tepatnya sekitar Timur Tengah. Namun apa yang paling utama adalah padanan yang cuba dilakukan Shawqi terhadap peta geografi moden dengan merujuk karya historiografi dan geografi klasik seperti *Mu'jam al-Buldān*, *Usd al-Ghāba*, *Tā'rikh al-Rusul wa al-Muluk* dan lain-lain lagi di samping rujukan asas iaitu *kutub al-sitta*.

Menurut Fuat Sezgin (1954), karya *Amṣār Dhawāt al-Āthār* karangan al-Dhahabī memberikan kita maklumat komprehensif berhubung pusat-pusat keilmuan ḥadīth dan taburannya sepanjang dunia muslim dalam kurun-kurun terawal. Kamus-kamus biografi bersifat ketempatan yang terhasil pada kurun ketiga dan keempat hijrah melambangkan tumpuan dan ketinggian ilmu ḥadīth di tempat tersebut. Zayde Antrim (2018) pula berpandangan bahawa amalan penyediaan geografi, atau kartografi merupakan satu bidang yang kurang mendapat perhatian ahli sejarah yang mengkaji dunia Islam seawal abad pertama hingga ketiga hijrah dan kartografi moden terlalu Eurosentrik. Antrim (2012) cuba memaparkan sejarah panjang seribu tahun praktis kartografi dalam dunia Muslim bermula sekitar kurun kesebelas atau kedua belas melalui kronologi pra-Arabia Uthmaniyyah, Parsi (kurun ke-10 hingga ke-15), Turki Uthmaniyyah (kurun ke-16 hingga ke-18), era akhir Turki Uthmaniyyah (lewat kurun ke-18 hingga awal kurun ke-20), pasca Turki Uthmaniyyah (kurun ke-20 dan 21) dalam satu ruang geografi di antara Lautan Atlantik hingga Lembah Indus. Seterusnya beliau secara persuasif dan sistematik berpendapat bahawa seribu tahun sejarah kartografi tersebut selari dengan Timur Tengah hari ini malah menghasilkan satu

lingkungan wawasan pergerakan, keliangan, dan keberkaitan konsep identiti dan ruang Timur Tengah. Walaupun sedemikian, beliau tidak memberikan perhatian kepada zaman yang lebih awal terhadap kajian pemetaan dunia muslim apabila lebih tertumpu kepada kurun kelima hijrah atau kesebelas masihi. Hasil kerja beliau dalam *Mapping the Middle East* (2018) adalah kesinambungan monograf pertama *Routes and Realms* (2012).

Sedikit awal sebelum Antrim, Travis Zadeh (2011) cuba menganalisa beberapa karakteristik kartografi sekitar kurun ketiga hijrah dan memilih karya Ibn Khurradadhbīh (m. 299/912) iaitu *Kitāb al-Masālik wa 'l-Mamālik* (buku laluan-laluan dan kerajaan-kerajaan) yang memberikan maklumat geografi dan kartografi di zaman Abbasiyyah. D daripada kandungan buku ini, kita memperoleh maklumat bidang geografi daripada perspektif berbeza. Ibn Khurradadhbīh merupakan seorang pegawai tinggi kerajaan di bawah Khalifah Abbasiyyah, al-Mu'tamid (m. 272/885). Beliau merupakan pengarah *barid* (perkhidmatan pos) yang bertanggungjawab terhadap penyusunan kurier, mengurus pengumpulan maklumat, dan perhubungan di antara Baghdad dan wilayah-wilayah yang jauh daripadanya. Karya beliau memberikan tumpuan terhadap tiga tema yang mendominasi geografi iaitu percukaian, keadaan di sempadan, dan laluan daripada sudut jarak dan peringkat-peringkat (Andre Miquel 1996).

Secara umum dapat disimpulkan, kartografi pada kurun ketiga hijrah telah berkembang pesat dan kemungkinan para ilmuwan ḥadīth telah mengambil manfaat daripada karya-karya geografi yang tersedia untuk penulisan kamus biografi mereka sukar disangkal. Andaian ini bersandar kepada susunan tempat, lakaran negeri dan maklumat-maklumat lain berhubung lokasi dalam kamus-kamus biografi ḥadīth boleh didapati dengan banyak dan mudah. D daripada contoh penghasilan karya Ibn Ḥibbān (1987) iaitu

*Mashāhīr*, kita dapat melihat lakaran pembahagian pusat-pusat pengajian ḥadīth tiga ratus tahun pertama hijrah melalui taburan generasi sahabat, tabiin dan seterusnya. Beliau turut memberikan persamaan peta Syam dengan seorang manusia yang sedang bersujud: “kepalanya adalah Palestin, lehernya Jordan, dadanya Damsyik, perutnya Hims, pusatnya Halab, kaki kanannya adalah bandar-bandar di atas Sungai Furat sehingga sempadan Iraq, kaki kirinya adalah bandar-bandar di atas Sungai Dajlah (Tigris), tangan kanannya adalah bandar-bandar di bahagian padang pasir (daratan), tangan kirinya adalah bandar-bandar di persisiran pantai (Laut Mediterranean)” (Fawwaz Yusoff 2017). Kebarangkalian untuk kita melihat perkembangan kartografi atau geografi pengajian ḥadīth amat tinggi memandangkan kemajuan teknologi melalui persembahan atau paparan peta dan gambar bukan sekadar grafik sahaja namun hingga ke peringkat holografik atau imej volumetrik lebih mudah di masa kini. Projek al-Ṭurayyā (2013) boleh dijadikan contoh meskipun kumpulan penyelidikan yang diketuai Maxim Romanov menyatakan projek ini masih dalam penambahbaikan. Laman sesawang yang cuba dihasilkan berbentuk gazetir hampir 2000 tempat dalam dunia Islam terawal dan mempunyai plot perjalanan serta rangkaian kebolehcapaian tempat-tempat tersebut.

### Garis Masa Kamus Biografi

Seterusnya, pengelasan dimensi ketiga kamus biografi adalah berkaitan zaman, era atau tempoh masa. Terdapat beberapa asas dalam kita membicarakan perkara hubungan masa dan ilmu ḥadīth yang perlu diberi perhatian. Kelaziman ilmuwan ḥadīth adalah setiap konsep yang dikemukakan bersandarkan sama ada ayat Quran atau potongan ḥadīth. Begitu juga kefahaman yang berkaitan dengan masa atau era, para ilmuwan ḥadīth akan menyandarkan kepada ḥadīth Nabi bagi pengelasan era sesuatu generasi. Ḥadīth

Nabi “*khayr al-nās qarnī, thumma alladhīna yalūnahum, thumma alladhīna yalūnahum* (sebaik-baik manusia adalah zamanku (generasiku), kemudian orang-orang setelah mereka, kemudian orang-orang setelah mereka)” boleh difahami sebagai pengelasan generasi (al-Bukhārī 1999). Ilmuwan ḥadīth menjadikan ḥadīth ini sebagai teras kepada prinsip *luqya* (*laqiya*: bertemu) iaitu pertemuan di antara dua generasi yang memisahkan entiti sahabat dan tabiin, tabiin dan tabi tabiin dan seterusnya.

Apa yang dapat dilihat ialah kamus biografi dalam dunia muslim yang lahir daripada disiplin ilmu ḥadīth bermula dengan konsep *ṭabaqāt* iaitu pengelompokan manusia mengikut generasi. Daripada deretan semantik perkataan *ṭabaqāt*, asal *ṭa-ba-qa*, bermaksud ‘mengalasi’ atau ‘melapiskan sesuatu di atas atau lebih tinggi’ (Fawwaz Yusoff 2019). Maka ‘alas’ atau ‘lapis’ untuk *ṭabaqāt* ditanggapi sebagai lapisan manusia atau boleh diertikan pengelompokan generasi perawi yang sezaman dan hampir sama usia atau boleh juga berkongsi persamaan daripada sudut tempat. Perkembangan sanad ḥadīth telah membuatkan pertambahan bilangan perawi dalam sesebuah ḥadīth dan pada skala yang lebih besar, perkembangan ini seiring dengan pertambahan generasi muslim selepas kewafatan Nabi. Pengelompokan manusia berlandaskan generasi adalah teras kepada *Kitāb al-Ṭabaqāt* atau kamus biografi generasi. Generasi turut juga boleh dikecilkan pengelompokannya. Misalnya, dalam sebuah generasi boleh dibahagikan pula kepada kumpulan-kumpulan kecil yang membentuk keseluruhan generasi besar tersebut. Dalam kefahaman lazim, ‘generasi’ melambangkan sekumpulan manusia yang berkongsi persamaan dan dua orang perawi boleh dikelompokkan dalam satu generasi dan boleh juga diasingkan kerana terdapat perbezaan. Sebagai contoh, Anas b. Mālik al-Anṣārī (m. 93/711) dan para sahabat yang jauh lebih muda dikelompokkan dalam generasi para

sahabat kerana berkongsi prinsip asas “persahabatan” dengan baginda Nabi. Namun apabila dilihat secara lebih mendalam, para sahabat mempunyai kedudukan berbeza daripada sudut kekananan dan kata Ibn al-Ṣalāḥ, “mereka (para sahabat) boleh dibahagikan kepada lebih sepuluh generasi” (Ibn al-Ṣalāḥ 1986).

Di sini kita melihat era sahabat telah dikelaskan satu generasi bersama pecahan-pecahan kecil dan tumpuan yang amat besar telah diberikan untuk penghasilan kamus biografi generasi sahabat. Para sahabat di kelompok sebagai satu generasi lalu pengkelasan dibezakan melalui ‘kekananan’ atau kehampiran mereka dengan Nabi seperti golongan terawal memeluk Islam, mereka yang mendahului hijrah ke Madinah, penglibatan dalam peperangan dan sebagainya. Al-Bukhārī (1999) menyatakan dalam *Ṣaḥīḥnya*, “setiap muslim yang *ṣaḥība* (bersahabat) dengan Nabi atau melihat baginda adalah salah seorang daripada sahabat Baginda.” Generasi sahabat adalah kelompok generasi yang paling mendapat tumpuan para ilmuwan ḥadīth dalam pelbagai aspek perbincangan sama ada teologi, perundangan, dan lain-lain. Senarai panjang penghasilan kamus biografi khusus untuk sahabat seperti *Tā’rīkh al-Ṣaḥāba* karangan al-Bukhārī, *al-Ṣaḥāba* karangan Abū Ḥātim Muḥammad b. Idrīs al-Rāzī (m. 277/890), *al-Ṣaḥāba* karangan Abū Ja‘far Muḥammad b. ‘Abd Allāh b. Sulaymān al-Ḥaḍramī (m. 297/909) dan lain-lain antara penulisan yang mewarnai keserjanaan muslim pada kurun ketiga hijrah. Selain daripada itu, para tabiīn juga turut diberikan tempat khusus untuk penulisan kamus biografi memandangkan generasi mereka penting untuk kesinambungan daripada pengkelasan generasi sahabat.

Menerusi pembaris masa juga kita dapat melihat perkembangan kamus biografi ḥadīth seiring dengan pemertabatan kitāb-kitāb muktabar ḥadīth iaitu *kutub al-sittah*. Kebanyakan kamus-kamus biografi ḥadīth yang lahir selepas

kurun ketiga atau keempat adalah perbincangan mengenai para perawi yang terkandung dalam kitāb ḥadīth muktabar dan merupakan pengulangan data yang terdapat dalam kamus biografi lebih awal atau telah dijadikan dalam bentuk ringkasan. Pengkelasan serta senarai daftar kamus biografi pasca kurun ketiga dan keempat hijrah boleh dilihat daripada susunan Akram Diyā’ al-‘Umarī dalam karyanya *Buḥūṭ fī Tārīḥ Sunna*. Beberapa kali dikemas kini oleh al-‘Umarī, karya ini juga sangat bermanfaat untuk dirujuk dalam memahami dan mengenali senarai panjang kamus biografi kurun ketiga dan keempat hijrah. Maṭar al-Zahrānī (1996) turut mengulang hasil kerja Akram Diyā’ al-‘Umarī melainkan beliau tidak menyertakan sekali kamus biografi para perawi syiah. Kesemua senarai daripada al-‘Umarī, al-Zahrānī atau katalog Carl Brockelmann dan Fuat Sezgin dan juga kamus-kamus biografi yang telah terbit di pasaran sangat besar, luas dan tinggi nilai data untuk konstruksi sejarah pengajian ḥadīth.

## Penutup

Sejarah pengajian ḥadīth menyediakan ruang pemburuan kepelbagaian metodologi dan pembinaan dinamika ilmu untuk keharmonian bersama berbanding percubaan untuk meruntuhkan antara satu sama lain. Meskipun dalam sejarah muslim, di sana tidak dapat dinafikan terdapat pertembungan antara satu sama lain, namun kesemua ini tenggelam dan kesepaduan skala besar bersama metode pengetahuan atau harmoni lebih menguasai. Oleh hal yang demikian, metode, kaedah, cara, aturan, prinsip, sistem, susunan, teori, tata, ragam, lagam dan sebagainya yang digunakan dalam pendekatan pengajian Islam atau sejarah pengajian Islam bersifat saling hubungan atau harmoni antara satu sama lain. Sebatang pohon boleh dikaji daripada pelbagai dimensi sebagaimana sains botani untuk penangkapan dan pengungkapan, atau sains perubatan untuk

pokok tersebut dilakukan ujikaji dan bertukar menjadi ubat, atau sains fizikal untuk analisa bentuk serta jirim dan lain-lain lagi. Makalah ini telah cuba memberi galakan kepada mereka yang terlibat dalam pengajian ḥadīth agar melihat kepelbagaian disiplin akademik dan mengintegrasikan sebilangan metodologi semasa termasuk historiografi, antropologi, sosiologi, geografi, kartografi, kemanusiaan digital dan lain-lain untuk kesesuaian penerokaan terhadap sejarah panjang pengajian ḥadīth. Kebanyakan kerangka, kaedah, dan plot peristiwa pengajian ḥadīth adalah imaginasi dari zaman silam berdasarkan data yang diperoleh dengan bukti keterangan kamus biografi selaku sumber sejarah alternatif. Justeru, menerusi cadangan metodologikal yang telah disebutkan, makalah juga telah cuba mempersembahkan bagaimana tradisi intelektual Islam yang tersimpan dalam kamus biografi ḥadīth tiga kurun terawal hijrah boleh dijadikan sumber sejarah muslim menerusi dimensi autoriti, ruang atau masa. Kelangsungan daripada pembinaan autoriti, bandar atau negeri yang menjadi penempatan tokoh-tokoh ḥadīth telah dinaikkan sebagai pusat keilmuan ḥadīth. Kesemua ini turut boleh dilihat dari kaedah biasa pensejarahan iaitu garis masa, kronikal dan sebagainya. Menariknya juga, kamus-kamus biografi yang dihasilkan pada kurun ketiga dan keempat hijrah bukan sahaja bertujuan untuk perhubungan ketulenan ḥadīth namun mampu memberi satu laluan alternatif yang wajar dijadikan bandingan kitāb-kitāb sejarah atau lebih dikenali sebagai *kitāb al-tā'rikh* dalam pembentukan sejarah sosial muslim. Pemudahan awal terhadap pengelasan kamus-kamus biografi dalam ilmu ḥadīth menunjukkan bahawa data-data yang terhasil selepas penyusunan menerusi dimensi bersama integrasi sebilangan metodologi menyajikan kapasiti yang besar untuk pembinaan suatu kerangka abstrak sejarah pengajian ḥadīth pada kurun ketiga dan keempat hijrah. Selain daripada binaan awal sejarah pengajian ḥadīth, apa yang dibentangkan adalah menjadi satu harapan

untuk melihat integrasi dalam ilmu pengetahuan bukanlah sindrom pemisahan ilmu yang sering kali berlaku.

### Rujukan

Abd al-Karīm b. Muḥammad al-Rāfi'ī al-Qazwīnī. 1987. *al-Tadwīn fī Akhbār Qazwīn*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyya.

Ahmad Kamil bin Jamilin. 2015. Metodologi Abū Ḥātim al-Rāzī Dalam Mengkritik: Analisis Terhadap Perawiperawi Yang Dinilai Dengan Frasa: Laysa Bidzak al-Qawī. *Jurnal Ma'alim al-Quran Wa al-Sunnah*. 10 (11): 127-165.

Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā'īl. 1999. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. 2<sup>nd</sup> edn. Riyāḍ: Dār as-Salām.

Al-Khaṭīb al-Baghdādī. 2001. *Tā'rikh Baghdād, Tā'rikh Baghdad*. ed. Bashshār 'Awwād Ma'rūf, Beirut: Dar al-Gharb al-Islamī.

Al-Suyūṭī. 1431H. *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*. Riyadh: Dār Ibn al-Jawzī.

Al-'Umarī, Akram Ḍiyā'. n. d. *Buḥūth fī Tā'rikh al-Sunna*. 5<sup>th</sup> ed. Madinah: Maktaba al-'Ulūm wa al-Hikam.

Andre Miquel. 1996. Geography. *Encyclopedia of the History of Arabic Science*, ed. Roshdi Rashed dan Regis Morelon, London: Routledge, Taylor & Francis Group.

Aslam b. Sahl al-Wāsiṭī – Bahshal. 1986. *Tā'rikh Wāsiṭ*. ed. Kurkis 'Awwād, Beirut: 'Ālim al-Kutub.

Box, G. E. P. 1976. Science and Statistics. *Journal of the American Statistical Association*. 71: 791–799.

Armand Salvatore. 2016. *The Sociology of Islam: Knowledge, Power and Civility*. N. J.: Wiley Blackwell.

- Brown, Jonathan A.C. 2011. *The Canonization of al-Bukhārī and Muslim: The Formation and Function of the Sunnī Ḥadīth Canon*. Leiden: Brill.
- Carl Petry. 1981. *The Civilian Elite of Cairo in the Later Middle Ages*. Princeton University Press.
- Claude Gilliot. 2002. "Prosopography in Islam," *Arab-Islamic Medieval Culture*. ed. Manuela Marín, Kalamazoo: Medieval Institute Publications-Western Michigan University.
- Eerik Dickinson. 2001. *The Development of Early Sunnite Ḥadīth Criticism: The Taqdima of Ibn Abi Ḥātim al-Rāzī, 240/854-327/938*. Leiden: Brill.
- Franz Rosenthal. 1968. *A History of Muslim Historiography*. Leiden: Brill, 2<sup>nd</sup> edition.
- Ibn Abi Ḥātim al-Rāzī. 1952. *Al-Ġarḥ Wa al-Ta'dīl*. India: Matba'ah Majlis Da'irah al-Ma'arif al-'Uthmaniyyah.
- Ibn Ṣalāḥ. 1986. *Ulūm al-Ḥadīth*. ed. Nur al-Dīn 'Itr. Damascus: Dār al-Fikr.
- Ibrahim Bounhas et. Al. 2010. Toward a computer study of the reliability of Arabic stories, *Journal of the Association for Information Science and Technology*. 61 (8): 1686-1705.
- Ibrahim Hafsi. 1976. "Recherches Sur Le Genre 'Ṭabaqāt' Dans La Littérature Arabe", *Arabica*. 23 (1): 227-265.
- 'Izz al-Din Umar Musa. 1987. *Ibn Sa'd wa Ṭabaqātuḥu*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami
- Jason David BeDuhn, Paul Allan Mirecki. 2007. *Frontiers of faith: the Christian encounter with Manichaeism in the Acts of Archelaus*. Leiden: Brill
- Maxim Romanov. 2017. Observations of a Medieval Quantitative Historian?, *Der Islam*. 94 (2): 462-495.
- Norman Calder. 1993. *Studies in Early Muslim Jurisprudence*. Oxford: Clarendon Press.
- Marcia, K. Hermansen. 1988. Survey Article: Interdisciplinary Approaches to Islamic Biographical Materials. *Religion*. 18: 163–182.
- Maxim Romanov. 2017. Algorithmic Analysis of Medieval Arabic Biographical Collections. *Speculum*. 92(S1): 226-246.
- Mohammad Gharaibeh. 2018. Narrative Strategies in Biographical Dictionaries: The ad-Durar al-Kāmina of Ibn Ḥaġar al-'Asqalānī – A Case Study. *Mamluk Historiography Revisited – Narratological Perspectives*, Göttingen: Vandenhoeck & Ruprecht Verlag. 51-76.
- Mohammad Mustafa A'zami .1978. *Studies in Early Ḥadīth Literatures*, Indiana: American Trust Publications.
- Muhammad Asad. 1993. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (trans.), Lahore: Arafat Publications
- Muhammad Fawwaz Bin Muhammad Yusoff. 2017. The Mashāhīr al-'Ulamā' al-Amṣār of Ibn Ḥibbān al-Bustī (d. 965 CE). *Journal of Ḥadīth Studies*. 2(2): 14-19.
- Muhammad Fawwaz Bin Muhammad Yusoff. 2019. Ḥadīth Scholar and Historiography: Some Reflections on the *Sīra* Corpora of Ibn Ḥibbān al-Bustī's (d. 354/965) *Kitāb al-Ṭiqāt*. *Arabica*. 66 (5): 485-505.
- Muhammad Fawwaz Bin Muhammad Yusoff. 2019. On Biographical Dictionaries of Ḥadīth Transmitters: Rethinking Development in the Islamic Literature. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Ḥadīth Studies*. 17 (2): 125-146.

Muhammad Fawwaz Bin Muhammad Yusoff. 2020. The Authentication of Ḥadīth: Ibn Ḥibbān's Introduction to His *Ṣaḥīḥ*. *Al-Masāq*. DOI: 10.1080/09503110.2020.1712546

Muḥammad Qāsim Zaman. 1996. Maghāzī and the Muḥaddithūn: Reconsidering the Treatment of 'Historical' Materials in Early Collections of Ḥadīth. *International Journal of Middle East Studies*. 28: 1-18.

Muḥammad Zubayr Siddiqi. 1996. *Ḥadīth Literature Its Origin, Development & Special Features*. Cambridge: Islamic Texts Society.

Norman Calder. 1993. *Studies in Early Muslim Jurisprudence*, Oxford: Clarendon Press.

Richard W. Bulliet. 1972. *The Patricians of Nishapur: A Study in Medieval Islamic Social History*. Cambridge, Mass.: Harvard University Press.

Richard W. Bulliet. 2020. *The End of Middle East History and Other Conjectures*. Harvard University Press; Ilex Foundation.

Scott C. Lucas. 2004. *Constructive critics, ḥadīth literature, and the articulation of Sunnī Islam. The legacy of the generation of Ibn Sa'd, Ibn Ma'īn, and Ibn Ḥanbal*. Leiden: Brill.

Sezgin, Fuat. *Dār al-Ḥadīth*. *Encyclopaedia of Islam, Second Edition*, Edited by: P. Bearman, Th. Bianquis, C.E. Bosworth, E. van Donzel, W.P. Heinrichs. Retrieved: 5th June 2020.

Shawqī Abu Khalil. 2005. *Atlas al-Ḥadīth al-Nabawi min al-Kutub al-Sihah al-Sitta*, Damascus: Dar al-Fikr.

Sir Hamilton Gibb. 1962. Islamic Biographical Literature. *Historians of the*

*Middle East*, ed. B. Lewis and P. M. Holt. London: Oxford University Press.

Tarif Khalidi. 1973. Islamic Biographical Dictionaries. *The Muslim World*. 63 (1): 53-65.

Travis Zadeh. 2011. *Mapping Frontiers Across Medieval Islam: Geography, Translation, and the Abbasid Empire*. London: I. B. Tauris & Co Ltd.

Wadād al-Qadi. 1995. Biographical Dictionaries: Inner Structure and Cultural Significance. *The Book in the Islamic World*, ed. George N. Atiyeh. State University of New York Press: 93–122.

Waddad al-Qadi. 2006. Biographical Dictionaries as the Scholars' Alternative History of the Muslim Community. *Organizing Knowledge: Encyclopaedic Activities in the Pre-Eight Century Islamic World*. Leiden: Brill.

Zakiah Hanum Haji Abdul Hamid. 2005. Peranan Arkib Negara dalam projek kamus Biografi Malaysia. *Jurnal Biografi Malaysia*. 1: 1-7.

Zayde Antrim. 2012. *Routes & Realms: The Power of Place in the Early Islamic World*. Oxford University Press.

Zayde Antrim. 2018. *Mapping The Middle East*. London: Reaktion Books Ltd.